



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

Peraturan Pemarkahan

MODUL BERFOKUS KBAT SPM

**BAHASA MELAYU
Kertas 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- | | | |
|-----------|---|------------------|
| a) Isi | - | 20 markah |
| b) Bahasa | - | 10 markah |

a) **Isi** [20 markah]

Nota :

i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

iii. Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | Markah | | | | | | | | | | Markah |
|----------------------|--------|----|----|---|---|---|----|----|----|--|-----------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii) Isi Tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | | 16 |
| (iii) Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | |
| (iv) Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| Jumlah Markah | | | | | | | | | | | 20 |

Soalan 1 : Rumusan

| Pendahuluan : 2 markah | Markah |
|---|---------------|
| Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / strategi-strategi / pendekatan-pendekatan / inisiatif-inisiatif untuk menangani ancaman buli siber di media sosial dalam kalangan remaja / pelajar / murid / masyarakat. | 2 |
| Rumusan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / strategi-strategi / pendekatan-pendekatan / inisiatif-inisiatif untuk menangani ancaman buli siber di media sosial dan kesannya kepada remaja. | 2 |
| Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / strategi-strategi / pendekatan-pendekatan / inisiatif-inisiatif untuk menangani ancaman buli siber di media sosial. | 1 |
| Rumusan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / strategi-strategi / pendekatan-pendekatan / inisiatif-inisiatif untuk menangani ancaman buli siber di media sosial. | 1 |
| Rumusan membincangkan usaha-usaha untuk menangani ancaman buli siber di media sosial dan kesannya kepada remaja. | 0 |

Isi Tersurat [4 – 12 markah] - usaha-usaha untuk menangani ancaman buli siber di media sosial

- S1. para pengguna agar mengamalkan kawalan kendiri ketika melayari media sosial
- S2. mengenali rakan media sosial yang menjadi kenalan anda
- S3. diputuskan perhubungan dan menyekatnya daripada mengikuti sebarang bahan yang dimuat naik di laman sosial
- S4. melaporkan kepada ibu bapa
- S5. melaporkan kes buli siber kepada guru yang dipercayai atau meminta bantuan kaunselor
- S6. mereka boleh terus mengemukakan aduan kepada pihak pengurusan laman sosial
- S7. remaja perlu menyimpan segala teks perbualan daripada pembuli yang berkemungkinan dapat dijadikan bahan bukti
- S8. melaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Polis Diraja Malaysia

Isi Tersirat [4 – 12 markah] - kesannya kepada remaja

- T1. remaja mengalami kemurungan / stres / gangguan emosi / trauma
- T2. remaja tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran
- T3. keselamatan / nyawa remaja terancam
- T4. imej / maruah diri / keluarga remaja tercemar
- T5. keputusan ujian / peperiksaan remaja terjejas
- T6. remaja terdorong untuk melakukan tindakan di luar kawalan

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama untuk membanteras ancaman buli siber agar remaja dapat menggunakan media sosial ke arah yang lebih positif.

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

| Peringkat | Markah Isi | Markah Bahasa | Huraian |
|-----------|--------------------|-----------------|---|
| Baik | 18 - 20 15 - 17 | 9 - 10 7 - 9 | <ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul |
| Sederhana | 12 - 14 8 - 11 | 6 - 7 4 - 6 | <ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 - 7 | 1 - 4 | <ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan. |

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah** untuk markah bahasa.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|---------------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|---------------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 1 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|---------------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

- (i) Rangkai kata *menyelesaikan kemelut* maksud
- menangani / mengatasi / masalah / krisis / bahaya [2 markah]
 - menangani / mengatasi / kemelut [1 markah]
 - menyelesaikan / masalah / krisis / bahaya [1 markah]
- [Maksimum : 2 markah]**

- (ii) **Punca ancaman siber**
- perasaan cemburu atau hasad dengki yang keterlaluan.
 - membala dendam kerana kisah silam yang tidak boleh dilupakan.
 - tekanan perasaan akibat masalah keluarga menyebabkan pembuli bertindak melepaskan geram kepada orang lain.
- [Maksimum : 3 markah]**
[isi cukup: 2 isi]

- (iii) **Hukuman yang boleh dikenakan kepada murid-murid yang terlibat dengan buli siber**
- murid dirujuk kepada kaunselor untuk bimbingan dan khidmat nasihat
 - murid dikenakan tindakan disiplin seperti demerit untuk pengajaran
 - murid diarahkan untuk melakukan kerja amal agar berkelakuan baik
 - murid digantung persekolahan dalam tempoh tertentu sebagai pengajaran
 - murid perlu menandatangani perjanjian untuk mengubah sikap kepada ibu bapa dan pihak sekolah
- [Maksimum: 4 markah]**
[isi cukup: 3 isi]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

- (i) Alasan-alasan yang diberi oleh bonda supaya ‘saya’ terus menetap di kampung halaman:
- ilmu agama ‘saya’/penulis masih terlalu cetek dan nipis
 - bimbang, ‘saya’/penulis akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota
 - bahasa ibunda ‘saya’/penulis juga masih lemah
- [Maksimum : 2 markah]**
[Isi cukup : 2 isi]
- (ii) Ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh seseorang dapat mengawal pengaruh yang mengancam jati diri:
- ilmu dapat memberikan panduan dalam menjalani cara hidup yang sempurna daripada sebarang pengaruh negatif
 - ilmu agama dapat mengelakkan daripada kesesatan dunia akibat pengaruh hawa nafsu dan hasutan syaitan
 - dapat memahami dan mematuhi peraturan dan undang-undang negara / menyebabkan seseorang sentiasa patuh pada undang-undang negara
 - ilmu dapat mengajar manusia menjalani hidup bersederhana daripada mementingkan dunia / bersifat materialistik / kebendaan
 - ilmu pengetahuan membolehkan seseorang mengenali asal usul adat budaya dan mengukuhkan jati diri / dapat membezakan adat budaya sendiri dengan adat budaya asing
- [Maksimum : 3 markah]**
[isi cukup: 2 isi]

- (iii) Satu nilai yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen.

Nilai dalam petikan : [1m + 1m]

| Nilai | Huraian |
|---|--|
| Ketaatan | 'Saya' mentaati arahan ibunya untuk terus menetap di kampung halaman daripada bermastautin di ibu kota apabila ibu memberikan pelbagai alasan. |
| Harga diri | Kebanyakan anak muda sebangsa dengan 'saya' tergadai maruah dan harga diri kerana mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana. |
| Cinta akan bahasa ibunda / adat resam / patriotik | Menurut bonda, bahasa ibunda 'saya' juga masih lemah / Bahasa yang membesarluaskan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. |
| Jati diri | Kekurangan ilmu yang dipelajari mampu meragut jati diri kerana tidak mampu menghalang perubahan sosial yang berlaku secara drastik. |

Nilai daripada keseluruhan cerpen : [1m + 1m]

| Nilai | Huraian |
|---------------|---|
| Keikhlasan | Bonda sentiasa memberikan nasihat ikhlas supaya 'saya' tidak terburu-buru untuk berhijrah ke kota |
| Kegigihan | 'Saya' gigih mempelajari bahasa ibunda dan khazanah warisan tinggalan bangsanya |
| Kebijaksanaan | Nenek moyang / generasi terdahulu berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. |
| Keadilan | Pemerintah / raja menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama telah mewujudkan sebuah negara bangsa yang unggul dan gemilang pada zaman silam. |
| Amanah | Mel menyampaikan amanah bondanya iaitu menyerahkan buku-buku kepada Munsyi ketika Mel pergi (berhijrah) ke bandar. |

(huraian yang bersesuaian dengan nilai boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *penjurit terlalu kepetangan*.

- hulubalang / pejuang / askar / pahlawan / perajurit / penjarah teramat / terlampau / terlebih cerdik / licik / pandai membuat helah 2 m
- penjurit teramat / terlampau / terlebih cerdik / licik / pandai membuat helah 1 m
- hulubalang / pejuang / askar / pahlawan / perajurit / penjarah terlalu kepetangan 1 m

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Titah Seri Betara kepada Kertala Sari setelah diperkenalkan oleh Patih Gajah Mada:

- membunuh Ratu Melaka
- membunuh hulubalang yang bernama Laksamana
- segeralah Kertala Sari pergi ke Melaka itu
- kerajaan seperti cakapmu itu supaya Kertala Sari dijadikan penggawa agung

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persediaan yang perlu dilakukan sebelum memulakan perjalanan yang jauh:

- kenderaan perlu diselenggara
- tidur dan rehat yang cukup sebelum memandu
- SmartTAG, Touch & Go dan RFID perlu cukup nilainya
- tempat penginapan perlu ditempah terlebih dahulu
- merancang perjalanan ikut jadual yang ditetapkan untuk mengelakkan kesesakan
- gunakan peta perjalanan atau aplikasi Google MAPS, WAZE atau GPS.
- menyediakan wang secukupnya

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d): Puisi Tradisional

- (i) Perkara-perkara yang perlu dipelihara dalam kehidupan
- penglihatan
 - pendengaran / kuping
 - percakapan / lidah
 - nafsu syahwat / anggota tengah

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) Cara-cara mendapatkan faedah :

- sentiasa bercakap benar/tidak berdusta ketika berkata-kata
- menggunakan perkataan yang baik dan bersopan ketika berkomunikasi dengan orang lain
- tidak terlalu banyak berbicara/bercakap/bersikap sederhana dalam berkata-kata
- tidak bercakap perkara-perkara yang tidak pasti kebenarannya
- tidak bercakap tentang hal-hal peribadi orang lain
- tidak bercakap hal-hal yang boleh menyentuh perasaan/sensitiviti orang lain.
- bercakap menggunakan bahasa yang tepat dan mudah difahami dan sesuai dengan audiens.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) Persoalan dalam gurindam

- persoalan kepentingan menjaga penglihatan supaya keinginan untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik dapat dielakkan [1 + 1]
- persoalan kepentingan menjaga pendengaran supaya maklumat-maklumat yang salah, perkara-perkara yang tidak baik dapat dihindari [1 + 1]
- persoalan kepentingan menjaga pertuturan supaya mendapat pelbagai manfaat daripadanya. [1 + 1]
- persoalan sikap bersungguh-sungguh memelihara anggota tangan supaya dapat menghindari daripada kesalahan/dosa yang kecil dan besar/ringan dan berat. [1 + 1]
- persoalan kepentingan menjaga adab makan supaya tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik/tidak senonoh [1 + 1]
- persoalan kepentingan menjaga nafsu syahwat supaya iman /pertimbangan diri tidak hilang [1 + 1]
- persoalan kepentingan menjaga pergerakan kaki/langkah supaya tidak pergi ke tempat-tempat yang boleh membawa kepada kemudaratian. [1 + 1]

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Soalan 3 (a) – Membina Ayat

- (i) semak – tumbuh-tumbuhan yang kecil-kecil dan rendah-rendah,
semak – menyemak / mengkaji, meneliti /memeriksa
- (ii) perang - perkelahian / pertempuran / perbuatan beradu tenaga
perang - warna (merah yang kehitam-hitaman / kekuning-kuningan)
- (iii) rendang - lauk yang dibuat daripada daging dll yang dirempah-rempahi
rendang - rendah dan banyak daun serta cabangnya

[6 markah]

Soalan 3 (b) – Pola Ayat

- (i) FN + FA
- (ii) FN + FN
- (iii) FN + FK
- (iv) FN + FK
- (v) FN + FS
- (vi) FN + FN

[6 markah]

Soalan 3 (c) Kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan.

- (i) sendiket - sindiket
tangkapan – penangkapan
- (ii) pra-sekolah - prasekolah
dedahkan – mendedahkan
- (iii) nasionalisma - nasionalisme
dipengaruh - terpengaruh / dipengaruhi

[6 markah]

Soalan 3 (d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.

- (i) hamis - hancing
bukan – tidak
- (ii) Saya - Beta
pada – kepada
- (iii) budayawan – negarawan
kerana - untuk

[6 markah]

Soalan 3 (e) Peribahasa

- (i) sediakan payung sebelum hujan
- (ii) bagi mencurahkan air ke daun keladi / masuk telinga kiri keluar telinga kanan / seperti mencurahkan garam ke laut / seperti hujan jatuh ke pasir
- (iii) sudah jatuh ditimpa tangga

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :
 - Baik = 3 markah
 - Sederhana = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

Soalan 4(b)

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraiyan yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;
 - Baik = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL**(a) Peristiwa yang menimbulkan perasaan kagum pembaca:****Jendela Menghadap Jalan**

- a. Peristiwa Lili memenuhi permintaan ibunya agar menghabiskan masa cuti persekolahannya di kampung datuknya untuk membuktikan dia menyayangi ibunya.
- b. Peristiwa Lili berusaha mempelajari pelbagai bahasa seperti bahasa Mandarin, Thailand, Latin dan Inggeris dengan baik.
- c. Peristiwa Lili gigih menyelesaikan kes keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman terhadap isterinya, Che Jah dan anak-anaknya Rafiq dan Haziq.
- d. Peristiwa Lili rajin membaca buku panduan pemakanan sayur-sayuran dan buah-buahan.
- e. Peristiwa Lili telah menjadi kawan rapat Geetha dan Danel dalam masa yang singkat.
- f. Peristiwa Lili diculik oleh Haziq dan Rafiq tetapi Lili tetap membantu mereka dan sanggup memaafkan mereka.
- g. Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafik.
- h. Peristiwa datuk gigih mempertahankan perubatan tradisional walaupun terpaksa bersaing dengan perubatan moden.

(Terima peristiwa lain yang sesuai)

Songket Berbenang Emas

- a. Peristiwa Dahlia bertanggungjawab menguruskan keluarganya.
- b. Peristiwa Dahlia sangat menyayangi adik-adiknya.
- c. Peristiwa ketabahan Dahlia dengan menyesuaikan diri di pusat pemindahan banjir selepas rumahnya dihanyutkan air sungai sedangkan dia bakal menghadapi peperiksaan STPM.
- d. Peristiwa Dahlia mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Jepun walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai ujian hidup.
- e. Peristiwa Dahlia terjun ke sungai untuk menyelamatkan Said.
- f. Peristiwa Embong membunuh ular sawa di kebun kelapa sawit.

(Terima peristiwa lain yang sesuai)

- (b) Nilai yang menggambarkan sikap bertanggungjawab

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Nilai bertanggungjawab membantu orang yang ditimpa kesusahan atau masalah . Contohnya, Lili rasa bertanggungjawab membantu keluarga Che Jah yang menghadapi masalah rumah tangga.
2. Nilai bertanggungjawab membantu rakan yang ditimpa musibah. Contohnya, Danel sanggup mengambil risiko menyelamatkan kawannya Lili yang telah diculik oleh Rafiq dan Haziq.
3. Nilai bertanggungjawab ibu bapa menjaga kesihatan anak-anak sejak kecil lagi. Contohnya, ibu Lili menjaga pemakanan Lili sejak kecil lagi untuk memastikan kesihatan Lili sentiasa terjamin.
4. Nilai bertanggungjawab mempertahankan kaedah rawatan tradisional agar tidak ditelan zaman. Contohnya, datuk tetap mempertahankan kaedah rawatan tradisional walaupun terpaksa bersaing dengan kaedah rawatan moden.
5. Nilai bertanggungjawab melaksanakan tugas yang diamanahkan. Contohnya, Kak Mimah bertanggungjawab membantu Che Jah setelah masalah itu dilaporkan oleh Lili.

(Terima nilai bertanggungjawab lain yang sesuai)

Novel Songket Berbenang Emas

1. Nilai bertanggungjawab terhadap keluarga. Contohnya, Dahlia bertanggungjawab terhadap keluarganya dengan sanggup keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil apabila ibunya dimasukkan ke hospital.
2. Nilai bertanggungjawab seorang bapa terhadap anak-anaknya. Contohnya, Embong bertanggungjawab mencari nafkah untuk menyara anak-anaknya walaupun hidup dalam kemiskinan.
3. Nilai bertanggungjawab membantu orang yang memerlukan pertolongan. Contohnya, Dahlia rasa bertanggungjawab membantu Said yang lemas dengan terjun ke dalam sungai yang berarus deras di hadapan rumahnya.
4. Nilai bertanggungjawab seorang guru terhadap pelajaran anak-anak muridnya. Contohnya, Cikgu Hisyam bertanggungjawab terhadap pelajaran Dahlia yang tidak dapat hadir ke sekolah dengan meminta Kavita menyediakan nota-nota untuk diberikan kepada Dahlia.
5. Nilai bertanggungjawab membantu orang yang dalam kesusahan. Contohnya, Tauke Lim membantu keluarga Dahlia dengan menyelesaikan masalah tanah tapak rumah Dahlia yang hendak dijual oleh Nek Kiah dan Seman.

(Terima nilai bertanggungjawab lain yang sesuai)

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT